

# 'Selangkah ke Universiti' di USIM

**T**ANGGUNGJAWAB sosial universiti dan masyarakat tidak terhad kepada Program Khidmat Masyarakat (OPKIM) oleh pelajar sahaja. Program kesedaran kepada pelajar sekolah luar bandar tentang suasana pembelajaran di universiti juga menjadi agenda sosial universiti.

Ia sekali gus menyuntik semangat kepada para pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh hingga berjaya ke menara gading.

Justeru, melalui pendedahan dan pengalaman sehari di kampus, Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (Bakti) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan 14 Institut pengajian tinggi awam (IPTA) menjayakan 'Program Selangkah Ke Universiti' yang diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Jun lalu.

Sebelum ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih sebagai tuan rumah Majlis Pelancaran program yang sama pada 6 April 2010.

'Selangkah Ke Universiti' adalah program sehari di mana pelajar dibawa ke IPTA dan menjalani proses penerapan dan pendedahan kampus. Ia supaya mereka lebih mengenali kehidupan di universiti.

Di samping itu, ia menggalakkan mahasiswa universiti untuk terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan.

Pengerusi Jawatankuasa Kecil



**HASAN Malek (dua dari kanan) beramah mesra dengan murid-murid yang menyertai program 'Selangkah ke Universiti' di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.**

Pendidikan Bakti, Datin Sri Azlina Ahmad berkata, seramai 210 pelajar tingkatan empat dari Jelevu, Tampin dan Kuala Pilah di Negeri Sembilan dipilih menyertai program itu.

"Sasaran kumpulan adalah kepada mereka yang tidak mempunyai ahli keluarga yang pernah belajar di universiti dan berpotensi untuk berjaya," katanya.

Program tersebut dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Hasan Malek.

Pelbagai program menarik disusun sepanjang program berlangsung. Antaranya, ceramah 'Mengapa Mesti Ke Universiti' oleh Dekan Fakulti Sains dan Teknologi USIM, Prof. Dr. Jalani

Sukaimi, sesi bersama Karangkrif dan Majlis Perwakilan Pelajar USIM serta lawatan sekitar kampus USIM.

Salah seorang pelajar dari Sekolah Menengah Agama Datuk Haji Tan Ahmad, Jelevu, Mohd. Arif Hanis Mohd Nasri berkata, beliau amat teruja untuk menyambung pelajaran ke IPTA selepas program ini.